

SMK Mutiara Johan Pertandingan Grafik Keselamatan Jalan Raya



Labuan, 23 Ogos – SMK Mutiara berjaya merangkul tempat pertama dalam pertandingan grafik keselamatan jalan raya anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Labuan. Pertandingan ini terbuka kepada sekolah-sekolah menengah yang menawarkan ko-kurikulum JPJ sebagai aktiviti badan beruniform di sekolah.

Setiap penyertaan diwajibkan menghasilkan satu poster berbentuk grafik yang berkonsepkan keselamatan jalan raya. SMK Mutiara tampil dengan imej grafik berkonsepkan bahaya menggunakan telefon bimbit semasa pemanduan. Poster tersebut telah membawa tuah kepada SMK Mutiara yang berjaya mengatasi SMK Labuan di tempat kedua dan SM ST. Anthony di tempat ketiga.

SMK Mutiara diwakili oleh Adik Mohamad Aswatul Zikrullah Bin Mohd Ayub dan Adik Abzan Shah Bin Abel, murid tingkatan 2 sekolah ini. Manakala tiga orang pelajar lagi

ialah Ahmed Syazwi Najmi Bin Ahmad Nawati, Muhammad Mifzal Bin Mohd Rafi dan Mohamed Affizie Bin Sawang @ Rizal dari Tingkatan 3.

Semasa ditemui, adik Aswatul Zikrullah memberitahu mereka mengambil masa dalam masa seminggu untuk menghasilkan poster tersebut. Idea timbul daripada pemerhatian seharian mereka di mana sikap pemandu yang asyik menggunakan telefon bimbit sering menyumbang kepada kemalangan jalan raya.

Mereka juga mengucapkan terima kasih kepada guru-guru pembimbing yang begitu komited dalam membantu penghasilan poster tersebut. Guru tersebut termasuklah Cikgu Ilias Bin Zakaria dan Cikgu Rohani Binti Tali @ Md Ali (Guru Penasihat Kadet JPJ SMKM), Cikgu Mohd Asrul Bin Jais (grafik) dan Cikgu Felix Heng Yong Yuen (mencetak). Cik Debbie Lawrence pula membantu membuat terjemahan idea ke dalam bahasa inggeris. Adik Aswatul Zikrullah juga menekankan prinsip kerjasama telah membawa hasil dan menyifatkan kemenangan ini merupakan kemenangan SMK Mutiara secara keseluruhan.



Peserta pertandingan grafik keselamatan jalan raya bergambar kenangan bersama Pengarah JPJ.

Johan pertandingan membawa pulang hadiah wang tunai RM250, tropi dan sijil kemenangan selaku johan dalam pertandingan ini. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah JPJ Labuan yang diadakan serentak dengan Majlis Perhimpunan Bulanan JPJ.

Turut hadir di dalam majlis tersebut ialah Encik Aminuddin Abdul Malek, Penyelia Kanan Pasukan Badan Beruniform selaku wakil rasmi Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan W.P.Labuan.

Berita Oleh : SMK Mutiara